

Doa Majlis Yang Sangat Mudah dan Ringkas

Pernahkah tiba-tiba anda diminta menjadi pembaca doa di tempat kerja? Tak kiralah sama ada majlis perpisahan, majlis kesyukuran ataupun perhimpunan sesuatu agensi atau jabatan? Tentu anda tercari-cari **bacaan doa mudah untuk sesuatu majlis**.

Di sini saya ingin berkongsi doa mudah yang boleh dibaca dan sesuai digunakan untuk semua majlis yang berbentuk ilmiah ataupun seumpamanya. Tetapi sebelum itu, izinkan saya berkongsi sedikit tatacara, panduan dan adab berdoa agar apa yang dipohon lebih mudah diterima oleh Allah SWT.

Panduan Tatacara Berdoa

1. Angkat tangan ke paras dada.
2. Rapatkan kedua-dua belah tapak tangan.
3. Apabila urat tangan bertemu ia akan menjadi seperti huruf ba ب . Titik ba terletak di hati kita. Kedudukannya rendah dari tangan yang kita tadah. Setiap huruf hijaiyah di dalam al-Quran ada malaikat yang menjaganya. Huruf ba dijaga oleh malaikat bernama 'har hayaaail'. Malaikat ini akan mengangkat doa kita terus menghadap Allah SWT tanpa sebarang perantara. Oleh itu berdoa bersungguh-sungguh dengan penuh pengharapan.
4. Duduklah dalam keadaan sopan seperti duduk iftirasy dan duduk tahiyat akhir. Jika berdiri, tegakkan badan betul-betul dan jangan bersandar.
5. Sepanjang berdoa, banyakkkan memuji kebesaran Allah SWT dan menyebut nama-nama Allah yang lain yang bersesuaian dengan keperluan doa kita pada masa itu. Contohnya jika berdoa memohon dimurahkan rezeki, sebutlah nama Allah Ar-Razzaq iaitu merujuk kepada Allah SWT yang banyak memberi rezeki kepada hamba-Nya. Ia seterusnya disusuli pula dengan [berselawat](#) ke atas baginda nabi SAW.

6. Berdoalah bersungguh-sungguh dari hati. Gunalah bahasa yang mudah dan dapat difahami kerana Allah Maha Pengasih dan sangat memahami dan mendengar segala bicara tulus hamba-hambanya.

Ajarkanlah adab berdoa kepada seluruh ahli keluarga sejak dari usia kecil kerana InsyaAllah ia akan dapat membentuk peribadi baik dalam kehidupan.

Bacaan Doa Majlis Yang Mudah

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَیْكَ أَشْرَفَ
الْأَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ
وَاعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِیْنَ

Ya Allah Ya tuhan kami.

Hanya padamu sahaja kami panjangkan kesyukuran atas segala rahmat dan berkatMu.

Bersempena dengan majlis pada hari ini, kami memohon inayah dan taufikMu. Kurniakanlah kesejahteraan dan kebahagiaan kepada kami. Bukakanlah hati-hati kami, lapangkanlah dada kami supaya kami dapat mengisi ilmu dan pengetahuan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim

Kami memohon kepada-Mu, agar Engkau berkatilah majlis ini dengan limpahan rahmatMu, semoga segala usaha kami dalam menjayakan majlis ini mendapat keredhaan dan hidayah-Mu.

Sesungguhnya pada hari ini kami berkumpul kerana-Mu Ya Allah

Kami berkumpul untuk menimba ilmu, bertukar pendapat,

menyumbangkan buah fikiran, menghubungkan silaturahim, dan memberi sokongan ke arah meningkatkan lagi prestasi jabatan kami.

Ya Allah Ya Zal Jalali Wal Ikram,

Kami memohon kekuatan dari hadhrat-Mu Ya Allah, supaya kami yang hadir pada hari ini, agar kami dapat melaksanakan segala kebajikan

Dan kami mohon perlindungan dengan Engkau daripada melakukan keburukan.

Ya Allah kurniakanlah kepada kami kekayaan ilmu pengetahuan dan hiasilah diri kami dengan sifat lemah-lembut.

Serta muliakanlah kami dengan ketaqwaan dan indahkanlah diri kami dengan kesihatan.

رَبِّنَا أَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَدْ نَا عَذَابَ
النَّارِ
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا
يَصِفُونَ
وَسَلَامٌ عَلَيَّ الْمُرْسَلِينَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Namun begitu, sebelum menggunakan doa ini untuk sebarang majlis di tempat kerja anda, pastikan anda mematuhi [tatacara membaca doa untuk majlis rasmi atau separuh rasmi](#) yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Anda juga boleh rujuk panduan doa yang spesifik untuk majlis yang lain seperti di bawah:

- [Doa Persaraan](#)
- [Doa Perhimpunan](#)

Semoga panduan ini bermanfaat untuk anda.